

Kata Ganti Nama Tunjuk Umum digunakan untuk menunjukkan sesuatu seperti manusia, haiwan dan benda. Terdapat dua kata ganti nama tunjuk, iaitu:

ini	menunjukkan sesuatu yang dekat. <u>Ayat Contoh :</u> 1. Ini rumah saya. 2. Bunga ini harum.
itu	menunjukkan sesuatu yang jauh. <u>Ayat Contoh :</u> 1. Bangunan itu tinggi. 2. Itu sekolah saya.

Kata Ganti Nama Tempat digunakan untuk menunjukkan kata nama tempat. Terdapat tiga kata ganti nama tempat iaitu:

sini	menunjukkan tempat yang dekat. <u>Ayat Contoh :</u> Saya tinggal di sini .
situ	menunjukkan tempat yang tidak begitu jauh. <u>Ayat Contoh :</u> Sekolah saya di situ .
sana	menunjukkan tempat yang jauh dan terhalang daripada pandangan. <u>Ayat Contoh :</u> Jangan pergi ke sana .

A. Pilih perkataan yang **paling sesuai** untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat.

ini	itu	sini	situ	sana
-----	-----	------	------	------

1. Rumah mewah di seberang jalan _____ milik Encik Ngah.
2. "Cikgu, _____ yuran sekolah saya," kata Siti sambil menyerahkan wang kepada gurunya.
3. "Chee Fei, sila datang ke _____," kata Cikgu Liza kepada Chee Fei.

4. Kami akan melawat negeri Johor. Semasa di _____ kami akan bermalam di rumah datuk.
5. "Di _____ lah saya terjatuh semalam," kata Kok Heng sambil menunjukkan kawasan di bawah sebatang pokok yang terletak di seberang jalan.
6. Kami tinggal di kampung _____ sejak dua puluh tahun yang lalu.

B. Padankan perkataan yang betul bagi melengkapkan ayat-ayat berikut.

1. Jika kamu ke _____ belikan saya buku latihan Tatabahasa Mulus kerana buku itu sangat bagus dan berguna untuk saya.	sini
2. Saya berharap agar kamu tidak akan datang ke _____ lagi.	ini
3. Budak yang gemuk dan nakal _____ telah mengaku akan kesilapannya kepada kami.	sana
4. Pelbagai alat canggih telah dicipta pada zaman yang serba moden _____.	itu
5. "Di _____ lah tempat bangkai gajah itu ditemui," kata Mohan sambil menunjuk ke arah sebuah lubang.	situ

D. Tandakan (✓) bagi kata ganti nama tunjuk yang betul berdasarkan ayat di bawah.

1. Segala usaha kamu selama _____ pasti akan dibalas dengan kebaikan.

ini ☐

itu ☐

sini ☐

2. Peristiwa _____ masih segar dalam ingatan Pak Abu.

ini ☐

itu ☐

sini ☐

3. Ulang tahun kemerdekaan Negara kita pada kali _____ jatuh pada hari Jumaat.

ini ☐

itu ☐

sana ☐

4. "Wakil rakyat itu akan datang ke _____ sebentar lagi," kata ketua kampung kepada pemuda di sebelahnya.

ini ☐

itu ☐

sini ☐

5. "Puisi _____ saya tujukan untuk ibu tersayang yang telah pergi buat selama-lamanya," kata Mira.

ini ☐

sini ☐

sana ☐

6. "Bilakah kamu akan pergi ke _____ lagi?" tanya Encik Dahalan kepada rakan anaknya.

ini ☐

sini ☐

sana ☐